



WASIAT & HIBAH

DI NEGERI SELANGOR

Indera Shahril bin Mohd Shahid
Pengarah Baitulmal
Majlis Agama Islam Selangor



PENGENALAN

- Wasiat dan hibah adalah instrumen perancangan dan pembahagian harta orang Islam.
- Ramai masyarakat yang kurang faham dan masih keliru berkenaan kedua-dua instrumen ini.
- Namun sebahagian masyarakat ada yang telah memahami dan membuat perancangan dan pembahagian harta yang bersesuaian dengan kedudukan harta mereka.



SOALAN 1

"Dulu arwah ayah ada beritahu, jika selepas dia meninggal nanti, tanah seberang jalan tu diwakafkan, tapi kami tak buat pun, kami pakat adik beradik bahagi sesama sendiri tanah tu termasuklah harta pusaka arwah ayah yang lain "



SOALAN 2

"Arwah bapa angkat dah bagi rumah ini kepada saya dan diperakui oleh adik-beradik arwah bapa angkat. Tapi dalam geran masih nama arwah lagi. Akhir-akhir ini adik-beradik arwah bapa angkat mula perli saya mengatakan saya tak layak. Perlu ke saya keluar dari rumah ini sedangkan saya membesar di sini "



WASIAT
وَصِيَّة

APA YANG KITA SEMUA PERLU TAHU BERKAITAN WASIAT




Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

SITUASI 1:

**"JIKA SUAMI TIDAK
MEMBUAT WASIAT, SEMUA
HARTA PUSAKANYA AKAN
DIBAHAGIKAN SECARA
FARAID KEPADA WARIS-
WARIS YANG BERHAK"**



Majlis

APAKAH MAKSUD WASIAT SEBENARNYA?

Bahasa - "wasa" iaitu membuat janji.

Wasiyyah atau wasiat - merujuk kepada sesuatu yang diwasiatkan.

Syarak - wasiat adalah berkaitan wasiat harta sahaja.

Mazhab Syafi'i - Pemberian atau sumbangan harta oleh seseorang kepada orang lain setelah dia mati sama ada disebut perkataan wasiat atau tidak.

Subseksyen 2(1), Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 -
Iqrar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas dia mati.





كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ
إِنْ تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةُ لِلْوَٰلِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ بِالْمَعْرُوفِ ۚ حَقًّا عَلَى الْمُتَّقِينَ


Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertaqwa.

al-Baqarah: 180

مَا حَقُّ امْرِئٍ مُّسْلِمٍ، لَهُ شَيْءٌ يُرِيدُ أَنْ يُوصِيَ فِيهِ، يَبِيتُ
لَيْلَتَيْنِ، إِلَّا وَوَصِيَّتُهُ مَكْتُوبَةً عِنْدَهُ

Daripada Abdullah bin Umar r.a.: Tidak sepatutnya seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu ingin diwasiatkan tidur dua malam berturut-turut melainkan dia menulis wasiat di sisinya.

(Riwayat Muslim)



APAKAH DALIL WASIAT?



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

APA BEZA WASIAT DENGAN HARTA PUSAKA?

APA PULA FARAID?

WASIAT

Pemberian harta yang diiqrarkan pada masa hidup untuk dilaksanakan selepas meninggal dunia.

HARTA PUSAKA

Segala apa yang menjadi kepunyaan si mati di masa hidupnya, kemudian ditinggalkan untuk waris-warisnya sama ada harta benda, hak-hak & apa yang termasuk dalam miliknya setelah dia mati.

FARAID

Ketetapan bahagian waris yang berhak yang telah ditentukan berdasarkan hukum syarak.

SIAPA WARIS-WARIS YANG BERHAK?

- Untuk mengetahuinya perlu kepada mempelajari ilmu faraid;
- Ilmu faraid adalah ilmu yang menggabungkan kaedah fiqh dan matematik yang akan menyelesaikan pembahagian harta pusaka seseorang si mati;
- Dikenali juga sebagai ilmu al-tarikah (harta tinggalan) atau al-mawarith (pewarisan);
- Cth waris yang berhak daripada kematian suami ialah isteri, ibu, bapa, anak-anak lelaki dan perempuan;
- Waris-waris yang berhak mempunyai kadar bahagian yang telah ditentukan melalui hukum faraid



SITUASI 2:

**"JIKA SUAMI MEMBUAT
WASIAT SECARA LISAN,
SELEPAS KEMATIAN SUAMI,
ISTERI ATAU MANA2 WARIS
ATAU WASI/PENTADBIR YANG
DILANTIK PERLU KE
MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
UNTUK MEMOHON PERINTAH
PENGESAHAN WASIAT"**



Majlis

"DULU SUAMI SAYA PERNAH PESAN, SEMUA BARANG KEPUNYAAN SUAMI JADI MILIK SAYA LEPAS DIA MENINGGAL DUNIA, SEKARANG SUAMI DAH TIADA. TAPI ADIK BERADIK ARWAH SUAMI SAYA SEKARANG NI MENUNTUT PULA BARANG-BARANG PENINGGALAN ARWAH SUAMI, MACAM MANA YA?"



"Saya pening memikirkan, antara ingin penuhi pesanan arwah suami, atau berikan juga kepada adik beradik arwah yang lain."



Majlis

Wasiat boleh dibuat secara lisan atau tulisan dan jika tidak dapat melakukan sedemikian, wasiatnya boleh dibuat dengan cara isyarat yang boleh difahami.

Jika secara lisan atau isyarat, hendaklah di hadapan sekurang-kurangnya dua orang saksi menurut hukum syarak

Subseksyen 3(1) dan (2),
Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor)
1999

Kenapa perlu di bawah ke Mahkamah Syariah?

Subsekyen 61(3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003,
“Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah- (b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan— (v) wasiat”




DALAM MEMPERTIMBANGKAN WASIAT YANG TELAH DIBUAT, MAHKAMAH SYARIAH AKAN MELIHAT ANTARA LAIN, RUKUN WASIAT:



Pewasiat (Musi)

- Telah mencapai umur 18 tahun, sempurna akal, sukarela dan tidak dilarang urus harta
- Jika sakit, dia hendaklah waras fikiran, baik ingatan dan memahami wasiat yang dibuat



Penerima Wasiat (Musa Lahu)

- Diketahui, punya kelayakan dan jika ditentukan dia hendaklah wujud ketika wasiat dibuat, jika tidak ditentukan, tidak disyaratkan wujud ketika wasiat dibuat atau ketika pewasiat mati
- Boleh diberikan kepada rumah ibadat, yayasan kebajikan, institusi akademik atau apa-apa bagi maksud maslahat umum



Harta yang Diwasiatkan (Musa Bihi)

- Boleh menjadi perkara akad semasa hidup pewasiat, boleh jadi harta pusaka, bernilai, boleh dipindahkan dan wujud serta dalam milik pewasiat jika ditentukan dan wujud semasa kematian jika tidak ditentukan
- Benda yang harus dan bukan haram



Sighah (Ijab & Qabul)

- Boleh dibuat melalui ucapan, tulisan atau isyarat
- Sebaik-baik wasiat ialah dengan tulisan dan disaksikan oleh saksi-saksi
- Qabul (terimaan) ke atas wasiat hanya boleh diterima selepas pewasiat meninggal dunia



SITUASI 3:

**“JIKA SUAMI MEMBUAT
WASIAT SECARA BERTULIS,
SELEPAS KEMATIAN SUAMI,
ISTERI ATAU MANA2 WARIS
ATAU WASI/PENTADBIR YANG
DILANTIK PERLU KE
MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
UNTUK MEMOHON PERINTAH
PENGESAHAN WASIAT”**



Majlis

TUJUANNYA ADALAH UNTUK MEMASTIKAN KESAHIHAN WASIAT YANG DIBUAT DAN LAFAZ WASIAT BERKENAAN SERTA SIAPA BENEFISIARI KEPADA WASIAT TERSEBUT

- Sama ada wasiat yang dibuat benar-benar dibuat oleh si mati;
- Sama ada wasiat yang dibuat tidak bertentangan dengan tujuan syariah;
- Sama ada wasiat yang dibuat bukan ke atas sesuatu yang haram; dan
- Sama ada wasiat yang dibuat perlu diputuskan kadar dan penerimanya.




SITUASI 4:

**“JIKA SUAMI MEWASIATKAN HARTANYA
KEPADA ANAK ANGKAT PADA KADAR 1/3
HARTA, WASIATNYA WAJIB DILAKSANAKAN”**

SITUASI 5:

**“TETAPI JIKA SUAMI MEWASIATKAN
HARTANYA KEPADA WARIS-WARIS,
WASIATNYA TIDAK AKAN BERKUATKUASA
MELAINKAN DIPERSETUJUI OLEH WARIS-WARIS
YANG LAIN”**



Majlis

APAKAH PRINSIP ASAS WASIAT?


1

Wasiat boleh dibuat secara lisan atau bertulis dan hanya berkuatkuasa selepas kematian

Daripada Abdullah bin Abbas r.a., bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:
"Tidak harus wasiat kepada waris kecuali diizinkan oleh waris yang lain"
Riwayat al-Baihaqi)

2

Wasiat yang dibuat kepada bukan waris dan pada kadar 1/3 harta pewasiat atau kurang adalah wajib dilaksanakan



Saad bin Abu Waqqas berkata: Telah datang Rasulullah s.a.w utk melihatku sedang aku berada di Makkah. Aku berkata: Wahai Rasulullah, apakah aku harus mewasiatkan semua hartaku. Baginda menjawab: Tidak. Aku berkata: Sebahagiannya. Baginda menjawab: Tidak. Aku berkata: Sepertiga. Baginda menjawab: Ya, sepertiga & sepertiga itu banyak. Sesungguhnya apabila engkau meninggalkan ahli waris kaya itu lebih baik drpd engkau meninggalkan mereka miskin, meminta-minta kpd manusia dgn tangan mereka." (Riwayat al-Bukhari)


3

Wasiat yang dibuat pada kadar lebih daripada 1/3 harta pewasiat sama ada kepada waris atau bukan waris boleh dilaksanakan jika dipersetujui oleh waris-warisan yang lain

4

Wasiat yang dibuat kepada waris boleh ditolak oleh waris-warisan lain dan kembali kepada hukum faraid





APAKAH FATWA BERKAITAN WASIAT?

"Sesuatu wasiat yang dibuat kepada waris adalah tidak berkuatkuasa melainkan jika dipersetujui oleh waris-waris lain selepas kematian pewasiat."

Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa
Fatwa Negeri Selangor bil. 2/2018

“

Hutang Melebihi Harta, Boleh ke Buat Wasiat?

UNTUK BUAT WASIAT TIADA MASALAH,
TETAPI SELEPAS MATI, HUTANG PERLU
DILANGSAIKAN TERLEBIH SEBELUM
LAKSANA WASIAT

”

مِنْ بَعْدِ وَصِيَّةٍ يُوصِي بِهَا أَوْ دَيْنٍ

Yang bermaksud: "(Pembahagian itu) ialah
sesudah diselesaikan wasiat yang telah
diwasiatkan oleh si mati, dan sesudah
dibayarkan hutangnya." (Surah al-Nisa': 11)

ADAKAH WASIAT BOLEH DIBATALKAN?

Ya, Pewasiat boleh tarik balik atau batalkan wasiat selagi masih hidup

Ya, Pewasiat boleh batalkan secara nyata atau tersirat

Ya, dengan cara Pewasiat melakukan perbuatan yang menunjukkan beliau menarik balik wasiatnya



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



WASIAT BOLEH DICABAR?

- **Wasiat kepada waris**

Waris-waris boleh pertikai dan boleh untuk tidak bersetuju

- **Wasiat yang diragui kesahihannya**

Waris menafikan kewujudan wasiat si mati

- **Wasiat yang bertentangan dengan hukum syarak**

Wasiat si mati yang bersalahan dari segi arahan wasiatnya



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

APAKAH KEPENTINGAN BERWASIAT?

- Lantik wasi bagi mentadbir harta pusaka
- Melupus hutang dengan Allah dan manusia
- Amal kebajikan untuk diri sendiri
- Dapat beri harta kepada yang tersayang
- Waris tidak meminta-minta dengan orang lain



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

APAKAH HIKMAH PENSYARIATAN WASIAT?



Kaedah pengagihan harta bagi mereka yang terhalang



Jaminan keadilan dalam keluarga



Memelihara hubungan kasih sayang dalam keluarga




Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

BAGAIMANA KAEDAH PELAKSANAAN WASIAT DI MAIS?



Anda kini boleh
berwasiat
secara online di
www.wasiat.com.my

Ketahui lebih lanjut

An illustration on a red background. It features a family photo of a man, a woman, and two children. Next to it are a pair of green-rimmed glasses and a brown coffee cup. In the foreground, there is a document with the word 'WASIAT' written on it, and a hand holding a green pen is shown writing on the document.

BERWASIAT KINI LEBIH MUDAH

Hanya Dengan RM300,
Anda Kini Boleh Berwasiat
Dengan eWasiat MAIS

Mudah, cepat dan dipercayai

TULIS SEKARANG →



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

KENAPA BOLEH BERWASIAT MELALUI MAIS?

Subseksyen 5(4), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003,

“Majlis hendaklah mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai wasi sesuatu wasiat atau sebagai pentadbir harta pusaka seseorang si mati atau sebagai pemegang amanah mana-mana amanah.”



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

APA PULA YANG DIKATAKAN SEBAGAI WASIAT WAJIBAH?

Pernah dengar atau tahu berkaitan wasiat wajibah?



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

KEFAHAMAN BIASA

Apabila seorang si mati meninggal dunia, meninggalkan cucu, cucu itu tidak berhak ke atas harta pusaka si mati (datuk) kerana datuk mempunyai anak lelaki yang lebih layak.



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

APAKAH SEBENARNYA WASIAT WAJIBAH?



- Di Malaysia, perkara berkaitan wasiat wajibah merupakan suatu yang agak baru dan kurang diketahui ramai kerana pelaksanaannya masih belum popular dalam kalangan masyarakat.
- Wasiat wajibah merupakan “terma baru yang dipopularkan” dalam konteks ilmu wasiat Islam yang mana pihak yang terlibat dan berhak mendapat pembelaan melalui peruntukan wasiat dari bahagian harta pusaka berkaitan, tidak mengetahui tentang hak ini.
- Wasiat wajibah ialah pembahagian sebahagian daripada harta peninggalan si mati kepada cucu yang kematian ibu atau bapa sebelum datuk atau nenek atau mereka mati serentak yang menyebabkan cucu tersebut tidak mendapat bahagian daripada harta pusaka datuk atau nenek mereka kerana dihalang (mahjub) oleh bapa atau ibu saudara.
- Oleh itu, undang-undang memberikan agihan harta peninggalan kepada cucu tersebut dengan kadar dan syarat-syarat tertentu sebagai wasiat (bukan secara pusaka). Tujuan peruntukan wasiat wajibah adalah bagi menjaga kebajikan cucu-cucu yang telah kematian bapa tersebut supaya mereka juga memperoleh bahagian daripada harta peninggalan datuk mereka.
- Setiap negeri berbidang kuasa membuat undang-undang berhubung dengan perkara ini dan di Selangor, ia diperuntukkan dalam Seksyen 27, Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999 (Pindaan 2016).



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

CIRI ASAS WASIAT

- **Wasiat ialah akad yang berkuatkuasa selepas kematian pewasiat**
- **Wasiat adalah tasarruf untuk pindah milik harta pewasiat kepada benefisiari wasiat**
- **Wasiat adalah akad tabarru' yang tidak perlukan balasan**
- **Benefisiari wasiat terhad kepada bukan waris**
- **Harta yang diwasiatkan terhad setakat 1/3 harta pewasiat sahaja**





HIBAH

MEKANISME TERBAIK PEMBAGIAN HARTA SEMASA HIDUP

Indera Shahril bin Mohd Shahid
Pengerah Baitulmal, MAIS

APA MAKSUD HIBAH SEBENARNYA?

DEFINISI

Berasal daripada perkataan 'wahaba' - Pemberian tanpa balasan (al-Marbawi, 1350H)

Pemberian milik sesuatu harta tanpa balasan. (Ibn Abidin, 1966)

Pemberian milik terhadap sesuatu harta tanpa balasan semasa hidup pemilik harta (al-Nawawi)

BEZA HADIAH, SEDEKAH & HIBAH

Sedekah - Pemberian yang bertujuan mendapat ganjaran pahala semata-mata.

Hadiah - Pemberian yang bertujuan untuk memuliakan penerimanya.

Hibah - Pemberian yang tidak dikhususkan dengan niat tertentu.




APAKAH DALIL HIBAH?

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً ۚ فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ
عَنْ شَيْءٍ مِنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ هَنِيئًا مَرِيئًا

Dan berikanlah kepada perempuan-perempuan itu maskahwin-maskahwin mereka sebagai pemberian yang wajib. Kemudian jika mereka dengan suka hatinya memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya.

(Surah al-Nisa': 4)



تَحَابُّوا تَهَادُّوا

Hadis daripada Abu Hurairah:
Saling memberi hadiahlah
kamu, nescaya kamu akan
saling sayang menyayangi.
(Riawayat al-Bukhari)



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

Apakah Rukun-Rukun Hibah?




Penghibah

Pemilik kepada harta yang dihibahkan. Telah mencapai umur 18 tahun, sempurna akal, sukarela dan tidak dilarang urus harta. Tidak berada dalam keadaan marad al-maut.



Harta yang Dihibahkan

Milik penghibah dan wujud ketika hibah dibuat. Telah ditentukan dan diiktiraf oleh syarak.



Penerima Hibah

Wujud ketika hibah dibuat. Jika penerima adalah di bawah umur, OKU atau tidak sempurna akal, perlu dilantik pemegang amanah



Sighah (Ijab & Qabul)

Pernyataan yang dibuat oleh pemberi dan penerima hibah. Tidak bertempoh



APAKAH PRINSIP ASAS HIBAH?

Pindah milik
harta.
Bukan pinjaman
atau sewaan.

1

Sesuatu benda
atau harta.
Bukan hutang.

2

Secara sukarela.
Bukan seperti
zakat dan
kaffarah.

3

Pada masa
hidup. Bukan
selepas mati

4

Tanpa balasan.
Bukan jual beli

5



Apakah Hikmah Disyariatkan Hibah?

Melahirkan kesyukuran di atas nikmat Allah SWT

Membantu menampung keperluan waris atau mereka yang tidak bernasib baik

Memperkukuh kasih sayang dan ikatan silaturrahim sesama waris



Kaedah pemberian yang dianjurkan
oleh Islam

Pemberian untuk sesiapa yang
dikehendaki

Pemberian tanpa had

Alternatif penyelesaian pembahagian
secara faraid

**Apakah
Kepentingan
Hibah?**



KEDUDUKAN HIBAH DI MALAYSIA

- Di Malaysia, hibah telah menjadi produk komersial oleh banyak institusi atau syarikat perancangan dan pengurusan harta termasuk pengendali takaful, syarikat-syarikat amanah dan firma-firma guaman sama ada syariah atau sivil.
- Sehingga kini, tiada undang-undang yang digubal khusus berkaitan hibah di negara ini samada di peringkat persekutuan atau di peringkat negeri.
- Dalam Perlembagaan Persekutuan, hibah disenaraikan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai 2, Senarai Negeri. Ia disebut sebagai alang yang bermaksud pemberian atau hadiah.
- Di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri ada dinyatakan perkara berkaitan bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah yang boleh membicarakan hal berkaitan dengan hibah yang disebut sebagai alang semasa hidup atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan. Ia sebagaimana diperuntukkan di bawah subseksyen 61(3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003, *“Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah -
(b) dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan -
(vi) alang semasa hidup, atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan yang memadai dengan wang atau nilai wang, oleh seorang orang Islam.”*
- Oleh sebab ketiadaan undang-undang substantif dan kaedah pertadbiran berkaitan hibah, segala rujukan Yang Arif Hakim Mahkamah Tinggi Syariah mengenai kesahan dan hukum-hakam hibah hanyalah dibuat kepada kitab-kitab fekah dan bukannya secara langsung kepada statut. Perkara ini adalah sesuatu yang baik berdasarkan prinsip ijtihad yang diaplikasikan oleh hakim syarie dalam setiap penghakiman.
- Namun begitu, peruntukan statutori adalah penting kerana ia dilihat sebagai rujukan utama dalam sesuatu perkara yang boleh dipertikaikan di Mahkamah. Hal ini disebabkan kemungkinan hakim-hakim merujuk kepada pandangan-pandangan ulama tertentu sesuai dengan keperluan semasa. Kesannya terdapat pelbagai keputusan yang berbeza dan kadangkala boleh mewujudkan konflik berkenaan bidang kuasa syariah - sivil di Malaysia.

FATWA HIBAH DI SELANGOR

- Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 2018 dan 2019 telah memutuskan 14 fatwa berkaitan hibah di negeri Selangor
- Fatwa hibah ini telah disiarkan dalam Warta Sel.P.U.8 pada 8 April 2021 dan Warta No.1108 yang disiarkan pada 13 Mei 2021.



APAKAH FATWA BERKAITAN HIBAH?



1. Hibah adalah pemberian secara sukarela yang berkuatkuasa semasa hidup;
2. Hibah yang menetapkan kuatkuasa hibah hanya berlaku selepas kematian penghibah adalah tidak sah dan dianggap sebagai wasiat serta tertakluk kepada hukum wasiat;
3. Hibah yang menetapkan syarat penghibah masih boleh menikmati harta yang dhibahkan (mawhub), adalah sah sekiranya penerima hibah bersetuju dengan syarat yang telah ditetapkan;
4. Hibah yang menetapkan syarat tempoh harta yang dhibahkan (mawhub) akan dikembalikan semula kepada penghibah adalah tidak sah. Hibah tersebut dianggap sebagai pinjaman ('ariyah) dan tertakluk kepada akad pinjaman ('ariyah);
5. Hibah yang menetapkan syarat bahawa terimaan (qabd) ke atas harta yang dhibahkan (mawhub) berlaku selepas kematian penghibah boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh penghibah;



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

APAKAH FATWA BERKAITAN HIBAH?



6. Hibah yang telah berlaku terimaannya (*qabd*) tidak boleh dibatalkan kecuali hibah daripada ibu, bapa, nenek atau datuk kepada anak atau cucu, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- a) Anak atau cucu mestilah mempunyai kelayakan (*ahliyyah*) mengikut Hukum Syarak untuk menguruskan hartanya (*tasarruf*) seperti tidak gila atau tidak muflis;
- b) Harta yang dihibahkan (*mawhub*) hendaklah masih berada dalam pemilikan anak atau cucu tersebut;
- c) Hibah tersebut bukan hibah yang mensyaratkan balasan; dan
- d) Tidak berlaku kerosakan kepada harta yang dihibahkan (*mawhub*). Jika kerosakan itu berlaku pada sebahagian daripada fizikal harta yang dihibahkan (*mawhub*), penarikan balik hibah terhadap bahagian lain yang tidak rosak dibenarkan.



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

APAKAH FATWA BERKAITAN HIBAH?



7. Penarikan balik hibah hendaklah dibuat semasa penghibah dan penerima hibah masih hidup. Hak untuk penarikan balik hibah tidak boleh dipindahkan kepada waris penghibah kerana waris penghibah bukan pihak-pihak dalam akad hibah.
8. Hibah antara pemegang akaun bersama adalah sah sekiranya wujud ijab dan qabul dan penguasaan penuh penerima hibah ke atas harta yang dihibahkan (*mawhub*).
9. Hibah harta dalam gadaian adalah sah sekiranya harta yang dihibahkan (*mawhub*) dilindungi oleh takaful seperti MRTT dan MLTT atau mendapat keizinan daripada pemegang gadaian.
10. Hibah ke atas manfaat takaful adalah sah sekiranya ijab dan qabul telah disempurnakan. Penerima adalah benefisiari dan tidak tertakluk kepada hukum faraid.



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

APAKAH FATWA BERKAITAN HIBAH?



11. Hibah tanah yang tertakluk di bawah Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 adalah sah dengan syarat memenuhi rukun-rukun hibah serta mendapat keizinan daripada Pihak Berkuasa Negeri.
12. Hibah melalui pemegang amanah adalah sah kepada mana-mana penerima hibah termasuklah kanak-kanak di bawah umur, orang yang tidak sempurna akal dan orang kurang upaya dengan syarat rukun-rukun hibah dipenuhi.
13. Hibah wang simpanan atau unit amanah adalah sah sekiranya harta yang dihibahkan (*mawhub*) ditentukan kadarnya.
14. Sesuatu hibah bolehlah didokumentasikan supaya mempunyai sughah yang jelas antara penghibah dan penerima hibah ke atas harta yang dihibahkan (*mawhub*) serta memenuhi rukun-rukun hibah



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



BAGAIMANA PELAKSANAAN HIBAH DI MAIS?




Majlis Agama Islam Selangor

socialhq

HIBAH LAH HARTA ANDA

suburkan kasih sayangmu dengan hibah



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



MAISgovmy

Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

www.mais.gov.my

SEKIAN, TERIMA KASIH



Sektor Baitulmal

Majlis Agama Islam Selangor, Ting. 9 & 10, Menara Utara, Bangunan
Sultan Idris Shah, 40000 Shah Alam, Selangor

Telefon

03-5514 3773 / 03-5514 3772

Laman Web

<https://mais.gov.my>

<https://wasiat.com.my>

<https://efaraid.mais.gov.my>



Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq



MAISgovmy

Majlis Agama Islam Selangor



mais_officialhq

www.mais.gov.my